

E-Pengarang 3M

Kamarul Bakri Abdullah^{1,*}, dan Asmadi Hussin²

¹ Kolej Vokasional Pasir Mas; g-69102820@moe-dl.edu.my;  ORCID ID (<https://orcid.org/0009-0006-5404-4270>)

² Kolej Vokasional Pasir Mas; asmadi.aina69@gmail.com;  ORCID ID (<https://orcid.org/0009-0001-9064-6379>)

* Correspondence: g-69102820@moe-dl.edu.my; 0199445236.

Abstrak: Inovasi E-Pengarang 3M merujuk kepada penggunaan menu E-Pengajaran dan pembelajaran dalam penulisan karangan melalui kaedah Menyalin, Menjalin dan Menulis (3M). Pada tahun 2019 didapati 80 peratus murid-murid di Kolej Vokasional Pasir Mas tidak boleh menulis karangan yang kepanjangan 200 patah perkataan seperti yang ditetapkan dalam soalan Kertas 1 Bahagian A Bahasa Melayu Sijil Vokasional Malaysia. Oleh itu, objektif inovasi ini untuk memastikan murid-murid dapat meningkatkan keupayaan menulis karangan sekurang-kurangnya 200 patah perkataan dengan menggunakan E-Pengarang 3M. Di samping itu, dapat menarik minat murid-murid dan memudahkan proses PDPc atau PdPR. E-Pengarang 3M ini dibangunkan dengan menggunakan metodologi Rapid Application Development iaitu menganalisis, pembangunan, pelaksanaan dan refleksi. Terdapat tiga elemen utama iaitu Teknik IMCoGas, Modul Pembelajaran dan Kerangka Karangan. Setelah melaksanakan inovasi E-Pengarang 3M melalui strategi menyalin, menjalin dan menulis karangan didapati 100 peratus murid-murid telah mula menunjukkan keupayaan mereka untuk menulis karangan dalam jumlah perkataan yang ditetapkan dan seterusnya menunjukkan peningkatan keputusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Inovasi ini mula didedahkan kepada murid-murid Tingkatan 5 di sekolah-sekolah menengah seluruh negeri Kelantan mulai 2021 dan Kolej Vokasional Pasir Mas pada tahun 2019 sehingga berjaya menghasilkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan SVM tahun 2020 dan 2021. Selain itu, inovasi ini juga telah dikembangkan kepada pelbagai institusi pendidikan seperti Kolej Vokasional dan sekolah-sekolah Menengah seluruh negara melalui program yang dianjurkan oleh BPLTV. Secara keseluruhannya, inovasi ini telah berjaya menarik minat murid-murid di samping berjaya menghasilkan keputusan yang boleh dibanggakan terutama dalam penulisan karangan. Inovasi ini juga sangat praktikal, berkesan, menjimatkan kos dan sesuai digunakan sama ada oleh guru mahupun murid-murid.

Kata Kunci: E-Pembelajaran; Karangan; Bahasa Melayu; Inovasi.



Copyright: © 2022 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid. Kepentingan menguasai kemahiran ini telahpun dinyatakan dengan jelas dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019a) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019b). Melalui aktiviti menulis, murid-murid akan dapat mencatat atau merakam dan seterusnya dapat menghasilkan bahan yang berbentuk idea, pengalaman, perasaan, dan maklumat dalam bentuk tulisan yang berhubung dengan orang lain atau diri sendiri (Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Abd. Aziz, 1997).

Penekanan terhadap aspek kemahiran menulis seperti yang diterapkan dalam KBSM bermula pada tahun 1988. Walau bagaimanapun tidak menjamin murid-murid benar-benar dapat menguasai aspek penulisan karangan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Penguasaan penulisan sebenarnya juga dipengaruhi oleh cara mereka berfikir. Oleh hal yang demikian, penguasaan penulisan yang kurang memuaskan dalam kalangan murid-murid perlu ditangani segera agar matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan modal insan yang berkualiti demi memenuhi aspirasi negara dapat dicapai.

Pada dasarnya Inovasi E-Pengarang 3M bertujuan untuk meningkatkan keupayaan murid-murid dalam penulisan karangan. Mereka dikehendaki menulis karangan yang mempunyai kepanjangan di antara 150 hingga 200 patah perkataan dalam masa yang ditetapkan melalui aktiviti menyalin, menjalin dan menulis karangan sekali gus memudahkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut :

- i. Meningkatkan keupayaan menulis karangan kepanjangannya sekurang-kurangnya 200 patah perkataan dalam masa yang ditetapkan dengan menggunakan E-Pengarang 3M.
- ii. Menarik minat pelajar dalam pembelajaran dan penulisan karangan Bahasa Melayu di dalam kelas.
- iii. Memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas mahupun pengajaran secara PdPR.

2. KAEDAH & BAHAN

Pelaksanaan inovasi E-Pengarang 3M bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid. Beberapa tinjauan dilakukan dan mendapati 80 peratus murid-murid tidak mencapai 200 patah perkataan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam arahan soalan. Sehubungan dengan itu, Kumpulan Inovasi dengan sokongan pihak pengurusan Kolej Vokasional Pasir Mas dan Unit Bahasa Melayu bagi menghasilkan satu teknik penulisan karangan yang diberi nama E-Pengarang 3M untuk membantu murid-murid terutama dalam aspek penulisan karangan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek penulisan karangan banyak mempengaruhi tahap pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Vokasional Malaysia. Berikut kaedah yang telah dilaksanakan:

2.1 Instrumen

1. Pemerhatian
 - a. Pemerhatian dilakukan dengan cara melihat aktiviti pembelajaran murid-murid di dalam kelas.
 - b. Sebelum, semasa dan selepas penulisan karangan.
 - c. Penglibatan murid-murid di dalam kelas.
 - d. Tempoh pengurusan masa murid-murid dalam penulisan.
2. Temu bual - mengadakan proses temu bual dengan murid-murid bagi mengenalpasti kelemahan dalam penulisan karangan.
3. Pentaksiran Akhir (PA) iaitu berdasarkan peperiksaan Semester 1 (Kohort 2019) di Kolej Vokasional Pasir Mas

2.2 Reka Bentuk E-Pengarang 3M



Rajah 1. Paparan Hadapan Inovasi ME-PenGarang 3M

Paparan Inovasi terdiri daripada set Induksi, Tajuk Karangan, Teknik IMCoGas, Tugas Kumpulan, Contoh Karangan dan Penutup.



Rajah 2. Teknik IMCoGas

Penggunaan Kaedah Menyalin, Menjalin dan Menulis (3M) bagi penulisan pendahuluan, pengembangan isi dan penutup.



Rajah 3. ME-PenGarang 3M melalui telefon

E-Pengarang 3M yang digunakan oleh murid-murid terutama semasa PdPC atau PdPR melalui penggunaan di telefon.

Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan sekolah selamat.
Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sekolah selamat.
Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Rajah 4. Contoh soalan Bahasa Melayu Kertas 1 Bahagian A

Rajah menunjukkan Sampel Soalan Karangan Bahagian A (Format baharu).

2.3 Bedah Siasat Soalan

Jadual 1. Analisis berdasarkan soalan

Tema / Isu	Sekolah Selamat
Tugasan soalan	Huraikan tentang ciri-ciri Sekolah Selamat
Fokus soalan	Ciri-ciri
Format	Pendapat
Idea/isi	Mempunyai pengawal keselamatan (Bahan 1) Mempunyai pemadam api (Bahan 2) Mempunyai papan tanda amaran (Bahan 3)

2.3.1 Penulisan Pendahuluan Karangan

Jadual 2. Pendahuluan terdiri daripada 3 ayat iaitu ayat tema, ayat sokongan dan ayat arah.

Ayat Tema	Sekolah ialah tempat kita mencari ilmu.
Ayat Sokongan	Di sekolah, kita dapat memmuridi sesuatu perkara yang berfaedah untuk masa depan. Apakah ciri-ciri sekolah yang selamat?
Ayat Arah	Sekolah yang selamat ialah sekolah yang mempunyai pengawal keselamatan, alat pemadam api, dan papan tanda amaran. Jadi, sekolah yang selamat perlu diadakan di negara kita.
+ UM	Ilmu penyuluh hidup.

2.3.2 Pengembangan Isi-Isi

Jadual 3. Pengembangan isi terdiri daripada 4 ayat iaitu ayat Idea, ayat Mengapa(huraian), ayat contoh dan ayat penegas.

Isi 1: Khidmat Pengawal Keselamatan

Ayat Idea	Ciri-ciri sekolah yang selamat adalah mempunyai khidmat pengawal keselamatan.
Mengapa?	Pengawal keselamatan penting untuk menjaga keselamatan sekolah.
Ayat contoh	Pengawal keselamatan mestilah selalu meronda kawasan sekolah. Sebagai contoh, pengawal keselamatan memeriksa bangunan sekolah dan mengawal kenderaan yang keluar masuk.
Ayat Penegasan + UM	Tegasnya, pengawal keselamatan sangat penting di sekolah. Sepakat membawa berkat.

2.3.3 Penulisan Penutup

Panduan penulisan penutup karangan berdasarkan 3 ayat iaitu ayat pandangan, ayat cadangan dan ayat harapan.

Jadual 4. Bahagian Kesimpulan atau Penutup

Pandangan	Kesimpulannya, sekolah yang selamat ialah sekolah yang mempunyai pengawal keselamatan, alat pemadam api, dan papan tanda amaran.
Cadangan	Jadi, semua sekolah perlu mempunyai ciri-ciri tersebut.
Harapan + UM	Hal ini penting untuk menjamin keselamatan semua pihak yang berada di sekolah. Mencegah lebih baik daripada merawat

2.4 Strategi Pelaksanaan

2.4.1 Aktiviti 1: Menyalin Karangan (Tempoh 8 minggu)

Semasa pengajaran dan pembelajaran guru menegaskan keperluan menulis karangan dalam jumlah perkataan sepatutnya. Guru juga menjelaskan semula teknik dan strategi penulisan karangan untuk keperluan peperiksaan SPM dan SVM. Murid-murid diberikan contoh karangan yang baik untuk dibaca dan dinilai dari segi penggunaan perkataan. Murid-murid kemudiannya diminta menyalin semula contoh-contoh karangan tersebut dalam masa 45 minit.

2.4.2 Aktiviti 2: Menjalinkan Isi Karangan (Tempoh 12 minggu)

Dalam aktiviti ini, murid-murid dikehendaki menulis karangan secara berpandu dan terancang. Mereka diberikan tajuk dan rangka karangan yang lengkap, bermula dengan pendahuluan, isi-isi penting, dan penutup. Guru mengambil sedikit masa untuk menerangkan semula kata kunci soalan dan orientasi jawapan. Karangan mestilah disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan. Aktiviti ini membolehkan murid menghurai isi, memberi contoh, dan penegasan isi dalam pembentukan pemerenggan yang sepatutnya.

2.4.3 Aktiviti 3: Menulis Karangan (200 perkataan dalam tempoh 12 minggu)

Selepas dua aktiviti awal (i & ii), murid telah diminta pula untuk menulis karangan lengkap dalam masa yang telah ditetapkan. Murid-murid masih diberi rangka karangan tetapi kali ini lebih ringkas. Rangka karangan ini diberi selepas mengambil kira pengetahuan murid terhadap tajuk karangan yang diberi. Karangan murid mesti disiapkan dalam jangkaan masa yang telah ditetapkan (45 minit) dan kali ini murid tidak dibenarkan berbincang sebaliknya membuat tugas secara individu. Aktiviti ini antara lain sebenarnya ingin membiasakan diri dengan orientasi penulisan karangan bahagian A yang sebenar. Semasa aktiviti i,ii, dan iii dilaksanakan guru membuat pemerhatian terhadap sikap/tingkah laku murid-murid.



Rajah 5. Strategi Pelaksanaan Inovasi E-Pengarang 3M

Strategi pelaksanaan terdiri daripada aktiviti menyalin, menjalin dan menulis karangan.

3. DAPATAN KAJIAN

Setelah melaksanakan aktiviti kajian selama beberapa minggu (terdapat pengubahsuaian tempoh masa kajian kerana penyesuaian masa kerja), ternyata aktiviti yang dilaksanakan telah dapat membantu murid-murid untuk menulis karangan dengan menggunakan jumlah perkataan diantara 150 hingga 200 patah perkataan. Berdasarkan temu bual dengan murid-murid, didapati mereka telah memberikan reaksi positif terhadap aktiviti yang dijalankan. Semasa aktiviti i, mereka berasa soronok kerana hanya perlu membaca pelbagai contoh karangan dan kemudiannya menyalin semula sebahagian daripadanya. Aktiviti ini tidak memberi tekanan kepada murid bahkan dapat menambahkan lagi pengetahuan sedia ada mereka. Murid-murid juga lebih cenderung membuat perbandingan sesama mereka berkenaan ciri-ciri karangan yang baik.

Murid mula lebih serius semasa menjalankan aktiviti ii memandangkan mereka perlu menghasilkan karangan yang lengkap berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Murid lebih bersedia menulis karangan kerana terlebih dahulu diberikan penjelasan merujuk kepada rangka karangan bagi menulis karangan. Murid-murid memaklumkan sedikit tertekan kerana mereka tahu mereka perlu menghasilkan karangan yang mempunyai kepanjangan di antara 150 hingga 200 patah perkataan dalam masa 45 minit sahaja. Murid-murid juga menunjukkan kesungguhan untuk menulis karangan dengan baik. Walau bagaimanapun segelintir murid masih tidak memberi reaksi yang diharapkan apabila mereka hanya menyalin isi-isi yang diberi tanpa mahu membuat penambahan huraian.

Selesai aktiviti ii, murid-murid menyedari bahawa mereka sebenarnya berupaya menulis karangan 200 patah perkataan. Murid-murid kelihatan gembira dan bangga dengan pencapaian

tersebut tetapi guru tetap mengingatkan murid-murid bahawa karangan mereka masih perlu dibaiki. Aktiviti terakhir (iii) lebih mencabar murid-murid kerana mereka perlu mencari idea sendiri dalam menghuraikan isi-isi karangan memandangkan guru cuma memberikan rangka karangan ringkas sahaja berbanding aktiviti ii. Murid menunjukkan reaksi teruja apabila kemampuan mereka diuji selepas dua aktiviti sebelumnya. Kali ini boleh dikatakan semua murid memberikan sepenuh perhatian dan usaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

3.1 Analisis Data

Tumpuan kajian kepada murid-murid dalam Pentaksiran Akhir Semester 1 (2019), murid-murid ini dibantu oleh guru dalam penulisan karangan untuk lulus dalam pentaksiran Akhir Semester 2, 3 dan Semester 4 (SVM) Tahun 2020. Selepas mengikuti Inovasi E-Pengarang 3M murid-murid telah menunjukkan peningkatan dalam penulisan karangan dan lebih yakin untuk menulis karangan. Hal ini dapat dibuktikan melalui keputusan-keputusan Peperiksaan semester 2 hingga semester 4 SVM Tahun 2019, 2020 dan 2021 sebagaimana berikut:

Jadual 5. Keputusan Bahasa Melayu Program Sistem Komputer dan Rangkaian Mengikut Semester

Murid	Sem 1	Sem 2	Sem 3	Sem 4
Murid 1	B	C	C	B
Murid 2	B	B+	C+	T
Murid 3	B+	C	C	B
Murid 4	C	C+	C+	B
Murid 5	B	B-	B+	B+
Murid 6	B+	B-	B	B+
Murid 7	B-	C+	B-	B+
Murid 8	C+	B-	C	B+
Murid 9	C+	C+	C+	B
Murid 10	C	B	B+	B+
Murid 11	B+	B-	B	C
Murid 12	C	B-	B	B
Murid 13	B-	C	B-	C+
Murid 14	C	D+	B	B-
Murid 15	B-	C+	C+	B-
Murid 16	C+	B+	B+	A-
Murid 17	B	B	B	B+
Murid 18	B-	C	B	B+
Murid 19	B-	C+	B	B+

(Sumber: Analisis Pentaksiran Akhir, Jabatan Penilaian dan Pentaksiran, Kolej Vokasional Pasir Mas)

Jadual 6. Analisis Bahasa Melayu 1104 Kohort 2019 KVPM

	Bilangan	Peratus
Calon	121	100
Lulus	116	100
Gagal	0	0
Tidak hadir	5	4.13

Jadual 7. Analisis Bahasa Melayu 1104 Mengikut Program Kohort 2019 KVPM

Program	Bil. Calon	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	G	Tidak Hadir	Bil. Lulus	Peratus Lulus
BKP	31			1	2	10	8	6	2			2	29	100
BPM	15				2	3	9		1				15	100
BPP	20			1	2	2	4	4	5			2	18	100
BPR	17			1	1	6	6	3					17	100
KSK	38				2	22	10	3				1	37	100
JUMLAH	121			3	9	43	37	16	8			5	116	100

Jadual 8. Keputusan Keputusan Bahasa Melayu Setara 2022 (Kohort 2020)

Program	Bil. Calon	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E	G	Tidak Hadir	Bil. Lulus	Peratus Lulus
BKP	17	2	7	5	3	0	0	0					17	100
BPM	16	0	1	3	6	2	3	1					16	100
BPP	10	0	1	4	2	2	1	0					10	100
BPR	19	1	5	3	6	4	0	0					19	100
KSK	25	2	5	7	10	1	0	0					25	100
JUMLAH	87	5	19	22	27	9	4	1					87	100

Jadual menunjukkan keseluruhan semua calon mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Vokasional Malaysia.

4. PERBINCANGAN

4.1. Keberkesanan

Secara keseluruhannya, sepanjang melaksanakan inovasi ini, proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Murid-murid secara umumnya lebih memberikan kerjasama yang baik dan memuaskan. Meskipun masih berhadapan dengan situasi murid tidak menunjukkan reaksi yang diharapkan, namun begitu, itulah asam garam kehidupan sebagai seorang pendidik. Sekurang-kurangnya melalui inovasi ini telah mencuba sehabis daya upaya sehingga tidak banyak kekesalan di hati, ibarat kata peribahasa Melayu yang terbilang, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Sebagai guru, kami amat gembira melihat pencapaian dan prestasi murid-murid. Perubahan sikap kepada lebih yakin dan positif juga amat melegakan. Sebilangan kecil murid selama ini cepat berpuas hati dengan mutu penulisan karangan mereka, akhirnya telah kembali kepada landasan sepatutnya untuk berusaha mendapatkan keputusan yang lebih baik. Selepas didorong dan diberikan motivasi, barulah mereka berusaha menukar pendirian kepada yang lebih positif. Kami amat gembira dengan perkembangan murid-murid kerana dalam usaha memantau prestasi murid-murid, kita tidak seharusnya berfokus kepada kedudukan atau markah sahaja tetapi juga kepada usaha yang dipamerkan (Shukri Abdullah, 2006)

4.2. Implikasi

Pelaksanaan inovasi ini telah dilakukan secara meluas dan konsisten di Kolej Vokasional Pasir Mas melalui pelbagai program seperti Program Permata Hati (HALUS), Program Rawatan Klinik Bahasa, Program Kumpulan Tutorial Bahasa Melayu, Program Cakna Bahasa Melayu dan paling istimewa inovasi ini sekali lagi digunakan dalam Kelas Intensif Bahasa Melayu. Inovasi ini digunakan

sepenuhnya dalam Program Unit Bahasa Melayu Kolej Vokasional Pasir Mas sehingga berjaya menghasilkan pencapaian SVM 100 peratus lulus pada tahun 2020 dan 100 peratus kepujian sekurang-kurangnya gred C atau C+ dan ke atas pada tahun 2021.

Selain itu, inovasi ini juga boleh disebarluaskan kepada pihak-pihak lain melalui Program Kecemerlangan yang dijalankan oleh pihak Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional Kementerian pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan sekolah-sekolah serta kolej vokasional di seluruh negara. Inovasi ini masih terdapat masalah dalam penggunaannya kerana sebilangan kecil murid masih lagi memerlukan bimbingan guru untuk mengaplikasikan inovasi ini kerana kekurangan keyakinan diri dan pengetahuan am yang terbatas.

5. KESIMPULAN

Inovasi yang dihasilkan ini diharapkan menjadi titik tolak permulaan dan juga dapat memberikan inspirasi serta inisiatif terbaik kepada guru-guru sekiranya berhadapan dengan situasi yang lebih mencabar. Usaha yang dilakukan meskipun sedikit dan masih belum mencapai tahap kepuasan yang diinginkan tetapi sedikit sebanyak masih boleh memberikan kesan yang besar, ibarat kata peribahasa Melayu, sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit. Harapan pada kesempatan yang akan datang, saya ingin berusaha untuk mendorong murid-murid agar lebih berusaha menambahkan pengetahuan mereka khususnya sebagai persediaan berhadapan dengan cabaran berfikir secara kritis dan kreatif kerana 'tiada yang mustahil jika anda berhasrat untuk melaksanakannya' (Jawharlal Nehru).

Rujukan

- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Abd. Aziz. (1997). *Penguasaan kemahiran menulis*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019a). *Kurikulum Standard Kolej Vokasional Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019b). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).
- Mohd. Nashuha Jamidin. (1996). *Kemahiran berfikir dan belajar*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shukri Abdullah. (2006). *Anakku bijak belajar: Sentuhan ibu bapa*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Holdings Sdn. Bhd.